

**UCAPAN PERASMIAN TIM. PRESIDEN**  
**Himpunan Tahunan Non-Muslim, Pemuda dan Wanita**  
**20 Jun 2008 di di Dewan Utama PGGMB**  
**Bandar Seri Begawan.**

***PARTISIPASI DALAM PEMBANGUNAN***

Dengan Nama Allah Yang Amat Pengasih lagi Penyayang  
Assalamualaikum WBR dan salam sejahtera;

Yang Dihormati Pengerusi Himpunan,  
Ketua Hal Ehwal Non Muslim Parti Pembangunan Bangsa dan barisan pimpinannya;  
Ketua Himpunan Pemuda Parti Pembangunan Bangsa dan pimpinannya;  
Ketua Himpunan Wanita Parti Pembangunan Bangsa dan pimpinannya;  
Para perwakilan Himpunan Hal Ehwal Non Muslim, Himpunan Pemuda dan  
Himpunan Wanita; para tetamu, para penyokong parti dan para pemerhati sekalian.

SEGALA puji dan puja hanya kepada Allah SWT. Selawat dan salam kepada  
junjungan Rasulullah SAW.

**Saudara Saudari Sekalian,**

Kita bersyukur ke hadrat Ilahi kerana masih diberi kesempatan dan keizinan yang  
membolehkan kita sekali lagi berhimpun pada pagi ini sempena Himpunan Tahunan  
Ke-3 secara serentak sayap Non-Muslim, Pemuda dan Wanita Parti Pembangunan  
Bangsa (NDP) selepas kita mengadakan Kongres ke-2 setahun lalu.

Kita juga bersyukur kerana dari sejumlah lebih tiga ratus ribu rakyat, kitalah di antara  
mereka yang beruntung kerana diberi kesedaran dan keinsafan untuk merintis dan  
membawa obor perjuangan membangun bangsa demi menuju negara Brunei  
Darussalam yang aman dan makmur serta mendapat keampunan Allah SWT.

Hendaknya kesedaran dan keinsafan ini terus menebal di dalam hati dan sanubari kita sehingga satu hari nanti sejarah akan menjadi saksi bahawa kitalah di antara hamba Allah yang berjuang untuk menegakkan kebenaran, amar amkruf nahi munkar.

Pada perhimpunan ini saya mengajak saudara saudari sekalian untuk memperbaharui bai'ah serta iqrar taat setia yang tidak berbelah bahagi seluruh warga Himpunan Non-Muslim, Pemuda dan Wanita NDP terhadap Kebwah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara dan bangsa yang kita cintai ini.

### **Tribulasi**

#### **Saudara Saudari sekalian,**

Sebagai ahli parti, kita harus mempunyai keazaman dan berpegang teguh dengan perjuangan yang kita pelopori bersama ini, kerana inilah satu-satunya warisan yang paling berharga untuk kita wariskan kepada anak cucu kita nanti. Segala usaha dan titik peluh yang kita curahkan melalui perjuangan ini adalah untuk memastikan anak cucu kita menikmati kesejahteraan yang jauh lebih baik dari apa yang kita kecapai sekarang ini. Kalaulah kita tidak sanggup berkorban untuk masa depan negara dan mereka, siapa lagi yang hendak kita harapkan?

Kita seterusnya amat bersyukur kerana walaupun dihadapkan dengan pelbagai cabaran dan hambatan sejak tiga tahun yang lalu, namun Alhamdulillah semangat kita tidak luntur, malah semakin kental. Segala cabaran dan halangan yang kita tempuhi telah menjadikan kita lebih bijaksana dan jauh lebih matang. Mudah-mudahan kita terus tergolong dari kalangan mereka yang bersabar dan mendapat nikmat dari kesebaran itu sesuai dengan Firman Allah yang bermaksud :

*Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira. (Az-Zumar : 10)*

Sesungguhnya perjuangan kita ini satu perjalanan yang panjang, berliku dan penuh dengan onak dan duri. Perjuangan ini bukanlah untuk orang yang berjiwa kecil. Hanya orang yang berjiwa besar sahaja yang mampu bertahan dalam perjuangan

seumpama ini. Justeru berpegang teguhlah degan ajaran Baginda Rasulullah SAW yang boleh menyuntik semangat kita sebagaimana hadis Baginda yang bermaksud :

*Apabila dia(seseorang itu) diberi nikmat lalu disyukurinya maka menjadilah nikmat itu sebagai kebaikan baginya. Sebaliknya apabila dia diuji dengan musibah maka dia bersabar lalu menjadikan pula musibah itu sebagai kebaikan baginya.*

(Hadith sahih riwayat Muslim)

Saidina Ali bin Abi Talib r.a. pernah menyebut:

*Barangsiapa yang dipenjarakan oleh pemerintah dengan zalim sehingga mati dalam penjara, maka ia mati syahid, dan barangsiapa yang dipukul sehingga mati, maka ia mati syahid.* (Petikan daripada Tanbihul Ghafilin)

Perjuangan yang kita dokongi ini adalah perjuangan yang bersifat sejagat yang merentasi sempadan agama dan bangsa, perjuangan yang mendokong aspirasi dan amalan kepimpinan Kebawah DYMM yang adil dan berihsan. Tidak syak lagi idealisme perjuangan yang kita dokong ini selaras dengan Islam, agama yang sememangnya bersifat universal yang menjanjikan rahmat ke atas sekalian alam. Maka selama kita berpegang kepada prinsip ini, saya percaya bahawa semua kaum dan agama di dalam negara ini akan mendapat hak mereka yang seadil-adilnya tanpa sebarang diskriminasi.

Dalam hubungan ini, suka saya menarik perhatian saudara saudari sekalian kepada maksud Firman Allah SWT iaitu:

*Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.* (Al-A'raaf : 56)

Dalam ayat yang lain Allah berfirman maksudnya:

*Oleh itu sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh.* (Al-Kahfi : 110)

## **Non-Muslim**

### **Saudara saudari sekalian,**

Mengikut statistik terbaru, bilangan penduduk non-muslim atau masyarakat zimmi di negara ini ialah kira-kira 127,000 orang atau 33% dari keseluruhan penduduk. (**Sumber:** *The World Fact Book 2008, CIA*) Angka ini merupakan satu jumlah yang besar dan mewakili satu blok kuasa yang tidak boleh dipandang ringan atau dipinggirkan dari arus pembaharuan politik yang sedang di dalam proses untuk mengambil tempatnya di negara ini.

Walau bagaimanapun, secara pragmatik bilangan tersebut tidak memungkinkan masyarakat zimmi ini berdiri sebagai entiti politik secara bersendirian kerana kita melihat, keupayaan politik mereka berkemungkinan tidak cukup wibawa dan kuat untuk menjadi pelantar sebuah perjuangan yang berasingan. Justeru pilihan yang ada hanyalah untuk bergabung dan menjadi komponen yang penting dalam kerangka perjuangan yang lebih luas iaitu melalui NDP. Pepatah Melayu ada menyebut, *sebatang lidi lebih mudah dipatahkan dari seberkas lidi, dan bersatu kita teguh bercerai kita roboh*. Ini menuntut kepada pertimbangan dan kesedaran yang tinggi di kalangan masyarakat zimmi dinegara ini seluruhnya.

Di peringkat kepimpinan, NDP menyedari akan kepentingan ini sejak awal lagi. Kita berhasrat masyarakat zimmi di negara ini akan berada dalam satu wadah di bawah panji NDP agar mereka dapat bersama-sama menyumbang ke arah keseimbangan dan kestabilan dalam sistem sosial dan politik negara. Justeru itulah semasa menggubal perlembagaan parti, kita tidak teragak-agak untuk memaktubkan satu peruntukan yang dikhususkan bagi memberi tempat kepada non-muslim dalam kepimpinan parti demi memperjuang dan memelihara kepentingan mereka dalam negara ini.

Pada awalnya, kepimpinan kepada non-muslim di dalam parti diperuntukkan cuma di peringkat pusat. Kita tidak meramalkan bahawa golongan non-muslim ini akan memberi sokongan dan komitmen yang begitu menggalakkan terhadap perjuangan NDP. Dalam tempoh tiga tahun ini, sokongan yang kita terima di luar dugaan sama sekali. Ini memberi kita satu kesedaran baru bahawa masyarakat zimmi di negara ini khususnya kumpulan-kumpulan etnik bagaikan meletakkan harapan yang tinggi

kepada NDP untuk mengengahkan masalah dan isu-isu yang melibatkan kehidupan masa depan dan kepentingan mereka agar dipertimbangkan dan ditangani oleh semua pihak dengan lebih adil dan saksama.

Selaras dengan ini, kita telah melebarkan jaluran kepimpinan non-muslim dari peringkat pusat terus kepada daerah, cabang dan ranting. Pemaktuban hak dan ruang kepimpinan tersebut telah dilaksanakan melalui Aturan Dan Peraturan Badan Perhubungan Daerah pada tahun 2006 yang memperuntukkan penubuhan Himpunan Non-Muslim Daerah. Langkah pengukuhan lanjutan telah dibuat baru-baru ini yang memperuntukkan kewujudan Himpunan Non-Muslim peringkat cabang dan ranting melalui Aturan Dan Peraturan Himpunan Tahunan Non-Muslim Pusat/Cabang/Ranting. Aturan Dan Peraturan ini telah berkuatkuasa mulai 10 Jun yang lalu setelah Majlis Tertinggi sebulat suara mengesahkannya.

Dengan berkuatkuasanya Aturan Dan Peraturan yang saya sebutkan itu, maka urutan kepimpinan non-muslim dalam NDP adalah lengkap dan sempurna bermula daripada peringkat pusat hinggalah ke peringkat ranting.

Suka juga saya jelaskan di sini bahawa walaupun pemaktuban ini dibuat melalui Aturan Dan Peraturan yang dibenarkan oleh Perlembagaan Parti Artikel 48:1, namun dari segi penguatkuasaan, kuasa dan kekesanannya (*effectiveness*) adalah setara dan sama dengan sayap-sayap parti yang lain iaitu Himpunan Pemuda dan Himpunan Wanita.

### **Tanggungjawab Dan Komitmen NDP**

**Saudara saudari sekalian,**

Mungkin ada sesetengah pihak yang memandang sinis dan menganggap ini hanya satu helah dan strategi politik semata-mata. Izinkan saya menegaskan di sini bahawa apa yang kita lakukan sekarang bukannya sekali-kali bermotifkan politik dan oportunistik. Akan tetapi ianya adalah atas dasar kesedaran dan tanggungjawab politik. Menegakkan kebenaran dan keadilan adalah diperintahkan oleh Islam.

Maimun bin Mahran, seorang gabenor di zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz, pernah menyebut, tiga perkara yang tidak dibezakan di antara muslim dengan non-muslim iaitu:

**Pertama**, siapa yang berjanji kepadanya maka harus ditepati baik kepada muslim atau non-muslim.

**Kedua**, dan kepada keluargamu harus kau hubungi baik ia muslim atau non-muslim.

**Ketiga**, dan siapa memberi amanah kepadamu harus kau kembalikan kepadanya baik ia muslim atau non-muslim.

Oleh yang demikian, kesedaran NDP untuk membela dan memperjuangkan hak golongan non-muslim melalui pelantar parti ini adalah bertepatan dengan apa yang saya sebutkan sebentar tadi.

Dalam usaha kita untuk menarik penyertaan golongan non-muslim ke dalam NDP, kita telah melaksanakan gerak kerja mendekati golongan ini terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman melalui sebuah sekretariat yang langsung di bawah pemantauan Jabatan Presiden dikenali sebagai Sekretariat Menyusur Desa. Setakat ini, sambutan di kalangan penduduk desa dan pedalaman, terutama sekali masyarakat etnik non-muslim adalah amat menggalakkan. Harapan kita ialah supaya kelangsungan daripada semangat tersebut akan membawa kepada penyertaan beramai-ramai golongan non-muslim atau masyarakat zimmi ke dalam NDP.

Para pemimpin NDP terutamanya pimpinan non-muslim perlulah bekerja lebih kuat dalam menggiatkan usaha memperkenalkan dan menarik seramai-ramainya dari kalangan mereka menjadi ahli parti. Usaha ini tidak memadai dengan kata-kata sahaja, tetapi kita mesti melaksanakan kerja-kerja yang memberi manfaat langsung kepada mereka, dan ini akan memberi keyakinan bahawa NDP benar-benar komited dan relevan dalam memperjuangkan nasib mereka.

## **Konsep Penglibatan**

**Saudara saudari sekalian,**

Apabila NDP bercakap soal penyertaan golongan non-muslim khususnya mereka yang keciciran dalam arus pembangunan negara, maksud kita ialah bahawa golongan ini juga mempunyai kepentingan dan peranan dalam pembangunan negara. Justeru itu pendekatan semasa berkaitan dengan pembangunan ini terutamanya pembangunan luar bandar, sewajarnya mengambil kira integrasi dan penglibatan kumpulan masyarakat ini secara holistik. Kebetulan pula sebahagian besar daripada golongan non-muslim tinggal di luar bandar.

Dalam konteks ini, kita tertarik untuk melihat definisi PBB mengenai konsep penglibatan masyarakat yang saya sebutkan sebentar tadi. PBB mendefinisikan penglibatan masyarakat sebagai menyediakan peluang bagi membolehkan semua anggota sesuatu masyarakat bersama-sama menyumbang dan mempengaruhi secara aktif proses pembangunan dan menikmati hasil dari pembangunan tersebut.

Berdasarkan definisi PBB tersebut, dapat dirumuskan beberapa elemen penting tentang konsep penglibatan:

**Pertama**, penglibatan adalah asas penting kepada pembangunan masyarakat untuk memperbaiki taraf hidup ke suatu tahap yang lebih baik.

**Kedua**, penglibatan masyarakat sepatutnya memberi kuasa kepada masyarakat untuk membolehkan mereka mempengaruhi serta merancang tindakan mereka sendiri.

**Ketiga**, penglibatan sebagai satu landasan dan pendedahan untuk masyarakat memainkan peranan yang lebih aktif dalam program pembangunan.

Justeru, ajakan dan pelawaan kita kepada golongan non-muslim untuk bersama-sama di dalam NDP ini tidaklah dibuat sekadar untuk melepas batuk dan di tangga dan sebagai muslihat politik. Kita sebenarnya mempunyai visi dan harapan terhadap penglibatan yang lebih berkesan yang saya boleh gariskan seperti berikut.

**Pertama**, penglibatan dalam membuat keputusan.

**Kedua**, penglibatan dalam pelaksanaan.

**Ketiga**, penglibatan dalam menerima manfaat.

Dalam konteks yang lebih luas, golongan non-muslim sebagai golongan minoriti tidak seharusnya rasa terpinggir atau terabai lebih-lebih lagi dalam usaha untuk mewujudkan iklim politik yang sihat. Ke arah itulah NDP menunaikan ikrarnya untuk memberi tempat yang selayaknya kepada saudara-saudari kita ini. Saya berharap dengan penjelasan ini, kita akan berjaya menarik lebih ramai ahli dari kalangan non-muslim untuk memasuki NDP bagi sama-sama memperkasakan perjuangan parti.

### **Permasalahan Non-Muslim**

#### **Saudara saudari sekalian,**

Seperti yang saudara-saudari maklum, kita akan meneruskan lawatan kerja menyusur desa ke perkampungan pendalaman non-muslim di keempat-empat daerah negara ini. Walaupun parti menghadapi masalah logistik dan sumber, tetapi ini tidak menghalang kita dari meneruskan usaha-usaha tersebut.

Melalui lawatan-lawatan yang dibuat, kita dapati terdapat beberapa keadaan dan kes yang wujud yang dilihat sebagai menyulitkan kehidupan sesetengah mereka seperti ketiadaan dokumen kelahiran dan pengenalan diri, keciciran pendidikan dan tempat tinggal yang tidak selesa.

Di samping itu, kita turut mengesan masalah dan persoalan yang mereka timbulkan, seperti kesulitan mendapatkan status kerakyatan walaupun mereka telah tinggal di negara ini sejak beberapa generasi, tidak dicatat perkataan Melayu di dalam kad pengenalan diri mereka, umpamanya Melayu Dusun, Melayu Bisaya, Melayu Murut sebagai rupa bangsa mereka sesuai dengan pengiktirafan Perlembagaan negara ke atas tujuh suku kaum atau puak sebagai Melayu dan diiktiraf rakyat jati negara ini.

Mereka juga turut bimbang mengenai kemungkinan akan pupusnya budaya dan dialek mereka, sementara suku kaum Iban di negara ini turut merayu agar mereka juga diktiraf sebagai suku Melayu dan rakyat jati ke delapan, dan banyak lagi masalah dan isu yang mereka panjangkan melalui parti ini. NDP telah mengangkat sebahagian permasalahan tersebut kepada pihak-pihak yang berwajib dan kita berjanji akan terus menyusulinya, Insyaallah.

Sementara itu, saya berseru kepada pimpinan parti di semua peringkat agar membantu mereka yang memerlukan bantuan sama ada ahli parti ataupun bukan. Mana-mana masalah yang boleh diselesaikan di peringkat parti hendaklah kita tangani dengan sewajarnya.

NDP seterusnya memandang serius akan permasalahan yang disebutkan sebentar tadi. Isu ini bukan sahaja harus dilihat dari aspek kebajikan dan kemanusiaan, tetapi juga dari segi keselamatan dan kesejahteraan negara. Justeru itu kita harus memandang jauh ke hadapan dengan mengambil langkah proaktif agar isu-isu tersebut dapat ditangani segera supaya ianya tidak berlarutan.

## **Wanita**

### **Saudara saudari sekalian,**

Dalam pengamatan yang saya lakukan ketika pilihanraya-pilihanraya umum di Malaysia, saya dapati bahawa kaum wanita mempunyai pengaruh yang besar dalam menarik dan merayu undi untuk sesuatu parti. Justeru itu pihak NDP telah menghantar sekumpulan ahli parti wanita untuk melihat secara praktikal gerak kerja kempen pilihanraya umum PRU 12 Malaysia baru-baru ini. Adalah diharapkan apa jua pengalaman yang mereka timba sepanjang tempoh tersebut akan dapat dimanfaatkan bukan hanya untuk kepentingan NDP tetapi juga untuk dikongsikan dengan golongan wanita lain di negara ini.

Saya juga berharap kumpulan tersebut akan mempraktikkan segala pengalaman khususnya strategi merekrut ahli untuk menarik lebih ramai kaum wanita menyertai NDP. Mengikut statistik, jumlah kaum wanita keseluruhannya di negara ini ialah hampir 190,000 orang atau 49.6 peratus dari jumlah keseluruhan penduduk negara.

(**Sumber:** *The World Fact Book 2008, CIA*) Jumlah ini memberi makna bahawa kaum wanita juga merupakan satu blok kuasa yang besar dalam negara ini dan tidak seharusnya diabaikan.

### **Peranan, Kuasa Dan Pengaruh Wanita**

**Saudara saudari sekalian,**

Sajak yang begitu masyhur oleh William Ross Wallace, yang bertajuk *The Hand That Rocks The Cradle Is The Hand That Rules The World* menggambarkan betapa besarnya peranan, kuasa dan pengaruh kaum ibu dalam membentuk dan mendidik anak-anak sebagai ahli masyarakat. Saya menyeru kepada semua ahli parti wanita yang berada di dalam dewan ini dan yang berada di luar sana supaya mengambil iktibar dari maksud sajak ini dan seterusnya merealisasikan peranan dan kuasa yang ada di tangan mereka.

Ajaklah seramai mungkin wanita yang belum menjadi ahli supaya mereka menyertai NDP dan turut berganding bahu dalam memperkasakan sayap wanita parti. Gunakanlah dengan sebaik mungkin segala potensi yang ada dalam diri masing-masing beserta dengan ilmu dan pengalaman yang ditimba untuk menggerakkan sayap wanita sehingga menjadi pemacu yang akan membawa NDP ke tahap yang lebih tinggi dan cemerlang.

Dengan suara dan kuasa yang begitu besar, kaum wanita tidak perlu berasa takut untuk menyuarakan hak dan kepentingan mereka. NDP sebagai pelantar politik sentiasa bersedia untuk menyediakan ruang dan wadah bagi kaum wanita untuk tampil ke hadapan dan memperjuangkan aspirasi mereka. Suara wanita sewajarnya diambil perhatian khususnya dalam hal-hal yang melibatkan kepentingan mereka sendiri selagi ianya tidak bertentangan dengan syariat Islam.

### **Penubuhan Kementerian Wanita**

**Saudara saudari sekalian,**

Kita berpendapat telah tiba masanya hal-hal yang bersangkutan-paut dengan wanita dan kekeluargaan dikendalikan oleh sebuah kementerian yang khusus. Bilangan wanita

yang hampir 50 peratus daripada penduduk negara memberi justifikasi yang besar untuk diwujudkan **Kementerian Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga**. Kementerian yang dicadangkan ini sewajarnya diketuai oleh seorang menteri wanita. Saya fikir cadangan ini tidaklah keterlaluan dan bercanggah dengan mana-mana nilai atau norma yang diamalkan di negara ini. Saya yakin terdapat ramai daripada golongan wanita yang terpelajar dan berpengalaman yang berupaya untuk mengendalikan hal-hal kewanitaan dan kekeluargaan dengan lebih berkesan.

### **Penglibatan Dan Kebajikan**

**Saudara saudari sekalian,**

Sebelum ini, saya ada menyebut berhubung dengan konsep penglibatan. Konsep penglibatan yang sama juga harus direalisasikan bagi membela hak-hak dan kepentingan kaum wanita. Maknanya kaum wanita mestilah terlibat sama dalam membuat keputusan, terlibat sama dalam pelaksanaan dan akhir sekali terlibat sama menikmati manfaat yang diperolehi. Jelasnya, kedudukan wanita dalam organisasi NDP bukanlah sekadar mencukupkan kuota, tetapi memikul tanggungjawab dan peranan yang begitu besar untuk sama-sama mengungkayahkan pembangunan negara melalui pelantar parti politik sesuai dengan hasrat NDP sebagai rakan pembangunan dan rakan strategik kerajaan.

Sejak tiga tahun yang lalu, kita dapati beberapa isu yang menyentuh kebajikan kaum wanita dibangkitkan sama ada di peringkat kongres atau di peringkat cabang dan ranting. Akan tetapi bagi saya satu isu pokok yang mesti diberi perhatian khas ialah kebajikan ibu tunggal kerana isu tersebut mempunyai implikasi yang amat luas dan menyangkuti isu-isu sampingan yang lain. Antara yang boleh saya sebutkan di sini ialah soal pembiayaan keluarga, tempat tinggal yang selesa dan pendidikan anak-anak. Adalah menjadi harapan NDP bahawa **pihak-pihak yang berwajib melakukan kajian terperinci mengenai isu ibu tunggal ini dan merangka satu program bantuan yang komprehensif dalam usaha menanganinya.**

NDP mahupun negara tentulah tidak rela melihat sebahagian dari rakyatnya hidup melarat dengan kekurangan makanan yang berzat, tempat tinggal yang tidak kondusif untuk pembangunan keluarga yang sihat, keciciran pendidikan dan masalah-masalah

sosial yang bersangkutan. Lebih-lebih lagi dalam suasana dunia menghadapi ancaman kekurangan makanan dan kos kehidupan yang meningkat, golongan yang kekurangan ini seharusnya mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Dari maklumat yang dikutip sepanjang setahun yang lalu, NDP mendapat maklum tentang banyak berlakunya kes-kes penganiayaan rumah tangga. Sebahagian besar daripada mangsa penganiayaan tersebut menghadapi masalah untuk mendapatkan keadilan dan pembelaan sewajarnya kerana ketidakmampuan mereka dari segi pembiayaan khidmat guaman, lebih-lebih lagi bagi mereka yang tidak faham akan hak-hak mereka di bawah peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.

Dalam hubungan ini saya **menyeru supaya pihak kerajaan menubuhkan sebuah Agensi Bantuan Guaman Awam**. Agensi tersebut adalah bertanggungjawab untuk memberi nasihat guaman dan membela hak-hak wanita yang teraniaya dan tidak berkemampuan dari segi kewangan untuk mendapatkan khidmat guaman percuma.

### **Wanita Dan Pembangunan Ekonomi**

**Saudara saudari sekalian,**

Satu lagi persoalan penting yang ingin saya sentuh ialah usaha untuk mentransformasikan tenaga wanita kepada kuasa ekonomi terutamanya di peringkat akar umbi. Dengan kemahiran dan tenaga kerja yang begitu besar yang sedia ada, saya yakin golongan wanita boleh dibangunkan sebagai penggerak ekonomi desa melalui perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

PKS seperti kraftangan, pembuatan dan pemerosesan makanan ringan, adalah antara kegiatan yang boleh digiatkan dan dikembangkan mengikut konsep **Satu Desa Satu Industri**. Penglibatan kaum wanita boleh secara sepenuh masa atau separuh masa mengikut keperluan dan kesesuaian masing-masing dan ini secara langsung akan menyumbang kepada pendapatan keluarga dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

## **Belia Dan Pemuda**

**Saudara saudari sekalian,**

Apabila kita bercakap tentang pemuda maknanya kita membincangkan soal belia. Masyarakat belia adalah khazanah dan harta negara yang perlu diserlahkan potensinya ke arah kecemerlangan, berlandaskan nilai-nilai murni sejagat. Gesaan ini bukan satu perkara yang baru, tetapi ianya perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak kerana golongan belia adalah anggota masyarakat yang banyak terdedah kepada ancaman dalam menghadapi cabaran kemajuan.

Kajian global menunjukkan apabila berlaku modenisasi dalam sesebuah negara, secara lazimnya ia akan turut membawa kesan-kesan negatif terhadap pegangan nilai di kalangan belia. Kesan-kesan ini boleh dirumuskan sebagai kekeliruan tentang nilai yang unggul, putusanya pegangan dan keyakinan, aspirasi yang mendadak, dan sindrom kebendaan.

Sebagai pewaris negara, adalah tidak memadai bagi para belia untuk sekadar menikmati hasil kemajuan yang dirancang oleh generasi terdahulu tanpa penglibatan yang berkesan. Sebaliknya mereka harus bersedia dan berupaya untuk memikul tanggungjawab bagi meneruskan tugas memajukan negara tanpa menggadai nilai-nilai moral dan maruah.

## **Potensi, Peranan Dan Penglibatan**

**Saudara saudari sekalian,**

Golongan belia sebenarnya mempunyai potensi yang besar tetapi potensi tersebut kurang menyerlah kerana kurangnya bimbingan yang berterusan dan konsisten ke arah penyerlahan potensi diri itu. Proses pembinaan sahsiah belia berkait rapat dengan proses sosialisasi yang bermula dari rumah, kemudian di sekolah dan di luar sekolah dan seterusnya di tempat kerja dan di luar tempat kerja. Pengisian di dalam proses sosialisasi inilah yang mencorakkan pandangan dan matlamat hidup, pegangan, nilai dan amalan individu belia.

Kita sedar bahawa ibu bapa, guru, rakan sebaya dan para pemimpin adalah terlibat dan bertanggungjawab melahirkan generasi belia yang bermoral, bermaruah dan cemerlang. Mungkin disini ada ruang yang boleh diambil bahagian oleh NDP.

Mengikut statistik terkini, bilangan belia di negara adalah begitu besar merangkumi 47 peratus daripada seluruh penduduk negara. (**Sumber:** Ucapan Menteri Kebudayaan, Belia Dan Sukan pada Kongres Belia Kebangsaan 2008) Jumlah yang besar ini menunjukkan bahawa hampir separuh bilangan rakyat di negara ini adalah para belia. Ini bermakna golongan ini merupakan sumber tenaga yang penting bagi negara. Sumber tenaga yang menjadi tunggak negara ini mestilah dibangunkan dan digembleng sebagai rakan pembangunan.

Oleh yang demikian, apa jua perancangan pembangunan negara hendaklah mengambil kira faktor belia ini sebagai satu teras utama perancangan. Kalau kita alpa dengan faktor ini, adalah dikhuatiri bahawa negara tidak akan mampu untuk melangsungkan tuntutan kemajuan.

Atas kesedaran inilah, NDP memberi perhatian yang serius ke atas penglibatan pemuda dan puteri dalam pembangunan dan gerak kerja parti. Saya sedari sehingga kini respons para belia untuk menyertai NDP adalah kurang menggalakkan. Terdapat banyak sebab mengapa hal ini terjadi. Walau bagaimanapun kita tidak ada pilihan melainkan meneruskan usaha bagi menarik seramai mungkin para belia menganggotai NDP

Hanya dengan cara ini sahaja, kita dapat berperanan sebagai pelengkap kepada segala usaha Kerajaan untuk mendedahkan para belia dengan unsur-unsur perjuangan dan nilai-nilai kepimpinan yang amat berguna kepada mereka sebagai pelapis pimpinan masa depan negara.

### **Kepimpinan Dan Pembangunan Belia**

**Saudara saudari sekalian,**

Seandainya pendedahan yang sewajarnya tidak disediakan kepada para belia ini, pastinya kita tidak akan berupaya melahirkan lapisan pimpinan yang berwibawa dan

berwawasan. Dalam hubungan ini, suka saya menarik perhatian kepada statistik berikut. Walaupun belia merupakan 47 peratus daripada penduduk negara, cuma 20,000 sahaja yang terlibat secara berterusan di dalam aktiviti kelab-kelab dan persatuan. (**Sumber:** Ucapan Menteri Kebudayaan, Belia Dan Sukan pada Kongres Belia Kebangsaan 2008) Dari jumlah ini, kita tidak tahu berapa ramai sebenarnya bilangan yang benar-benar aktif dan berjaya dipupuk dengan ciri-ciri kepimpinan seperti yang diprogramkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam konteks parti, NDP terpacu untuk sama-sama memikul tanggungjawab membangunkan pemuda dan puterinya melalui platform parti. Sebagaimana dengan konsep penglibatan yang saya sebutkan berhubung dengan golongan non-muslim dan kaum wanita, maka konsep dan pendekatan yang sama jugalah sewajarnya dipraktikkan terhadap golongan pemuda di dalam parti ini. Ini bermakna seperti juga golongan non-muslim dan kaum wanita, para pemuda NDP mempunyai kedudukan yang penting dalam parti dan sewajarnya turut terlibat dalam membuat keputusan, dalam pelaksanaan dan juga menikmati manfaat yang diperolehi.

Bagi membolehkan sayap pemuda memainkan peranan yang efektif, sayap ini perlu mempunyai bilangan ahli yang ramai. Kita tentunya sedar bahawa di dalam sesebuah organisasi, bilangan adalah salah satu ciri kekuatan. Kalau bilangan para pemuda adalah kecil, kemampuannya adalah terhad. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama, khususnya sayap pemuda untuk menarik seramai-ramainya para belia menyertai NDP. Kita mestilah menampilkan NDP sebagai wadah yang mampu melonjakkan penglibatan belia dalam proses pembangunan masyarakat dan negara.

Adalah menjadi hasrat kita supaya para belia yang terdidik dan ditarbiyah melalui pengalaman dan penglibatan mereka dalam NDP akan lahir sebagai pemimpin masa depan yang berwibawa, berintegriti, bermaruah dan cemerlang.

## **Masalah Sosial**

**Saudara saudari sekalian,**

Saya ingin menarik perhatian saudara saudari sekalian kepada kemelut penyakit sosial yang menghinggap para belia khususnya. Di antara penyakit sosial yang membimbangkan itu ialah penyalahgunaan dadah, jenayah seks, lepak dan pengangguran. Penyakit-penyakit sosial ini jika tidak dibendung dan ditangani secara berkesan akan merugikan negara, malah boleh membawa kehancuran.

Walaupun negara mempunyai aset yang banyak, iaitu para belia, tetapi jika aset tersebut tidak berkualiti, ianya tidak memberi apa-apa makna. Lebih malang lagi sekiranya aset tersebut menjadi liabiliti dan barah dalam masyarakat. Kita berharap, melalui proses pembelajaran dan tarbiyah, suatu hari nanti Insyaallah, para pemuda NDP akan berupaya menjadi rakan sebaya dan pembimbing kepada ahli dan bukan ahli, dan menjadi komponen di dalam benteng untuk menghalang para belia negara dari terjebak dengan masalah-masalah sosial yang membimbangkan itu.

### **Belia Dan Pembangunan Ekonomi**

**Saudara saudari sekalian,**

Akhir-akhir ini, hampir semua negara di dunia menghadapi krisis makanan dan kenaikan kos sara hidup. Bahang ini turut juga dirasai di negara kita, lebih-lebih lagi kita begitu bergantung kepada import bahan makanan. Pihak PBB memberi amaran bahawa krisis makanan ini boleh bertukar menjadi bencana kalau tidak ditangani dengan bijaksana.

Kita melihat soal krisis makanan ini sebagai satu peluang kepada para belia untuk tampil ke hadapan bagi membangunkan pengeluaran makan tempatan. Kalau di sebahagian negara, rakyat dan pemuda mereka bangun berdemonstrasi di jalanan, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mencabar para belia supaya turut bangun. Tetapi bukan di jalanan, sebaliknya bangkit untuk mendemonstrasikan kepekaan mereka dengan situasi ini, bangkit mendemonstrasikan iltzam dan komitmen, dan bangkit mendemonstrasikan kesediaan dan kemampuan, untuk membantu negara menghasilkan bahan makanan sara diri yang mencukupi dan keluar daripada kepompong kebergantungan ke atas bahan makanan yang diimport.

**Saranan kita di sini ialah supaya para belia mengusahakan pertanian dan penternakan secara komersil dengan memanfaatkan bidang tanah yang terhad.**

Ini berhajat kepada sokongan dan bantuan pihak-pihak berkenaan secara menyeluruh sehinggalah kita berjaya melahirkan petani, pesawah, penternak dan peladang yang mengamalkan teknologi pertanian moden seperti yang diamalkan di negara-negara pertanian dunia yang maju seperti Belanda sebagai contohnya. Cadangan ini bersifat serampang dua mata, yakni selain menghasilkan makanan sara diri dan eksport, ianya juga mampu membantu menangani sebahagian daripada masalah sosial seperti pengangguran dan melepak.

**Program Putra Putri Tani** ini juga boleh dijadikan landasan bukan hanya untuk belia, beliawanis yang menggagur, tetapi juga bagi belia-belia yang bermasalah yang Insyaallah boleh kita bimbing sehingga mereka mampu berperanan sepenuhnya dalam usaha pembangunan sahsiah diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Ke arah itu, pihak-pihak yang berkenaan **dicadangkan agar membuka ruang seluas-luasnya buat mereka melalui pembukaan tanah rancangan di bawah Skim Perkampungan Pertanian** yang terancang dengan membantu mereka dari peringkat pembukaan tanah, menyediakan modal dan mentor, hingga kepada bantuan pemasaran dan pembangunan industri-industri huluan dan hiliran (*upstream and downstream*) berasaskan pertanian.

### **Wawasan 2035 Dan Penglibatan Rakyat**

**Saudara saudari sekalian,**

Bermula tahun 2007 yang lalu, kerajaan Brunei telah melancarkan Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang yang terkandung di dalamnya Wawasan Brunei 2035, Rangka Strategi dan Dasar Bagi Pembangunan (OSPD) 2007-2017 dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012. Apa yang ingin saya tarik perhatian saudara saudari sekalian ialah berhubung dengan matlamat Wawasan 2035, iaitu:

**Pertama**, rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

**Kedua**, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi.

**Ketiga**, ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Dikatakan jika matlamat ini dicapai, Brunei akan berada di kalangan 10 negara teratas dunia dari segi kualiti kehidupan dan pendapatan per kapita. Kita sememangnya berdoa dan berharap matlamat murni ini mampu dicapai menjelang 2035 itu. Untuk mencapai tiga matlamat tersebut, kerajaan telah merangka lapan strategi pembangunan iaitu strategi pendidikan, strategi ekonomi, strategi keselamatan, strategi pembangunan institusi, strategi pembangunan perniagaan tempatan, strategi pembangunan infrastruktur, strategi jaminan sosial, dan strategi alam sekitar.

Selaras dengan pelancaran Wawasan 2035 dan OSPD pertama, RKN 2007-2012 menandakan peralihan strategik dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan negara.

Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah soal penglibatan rakyat dalam pembangunan. Pembangunan negara tidak membawa apa-apa erti sekiranya tiada penglibatan rakyat secara langsung dan berkesan. Sebab itulah dalam ucapan saya sebelum ini banyak saya tekankan **konsep penglibatan**. Konsep ini adalah dicirikan dengan penglibatan rakyat dalam membuat keputusan, dalam pelaksanaan dan juga menikmati manfaat yang diperolehi.

Saya menyeru kepada semua ahli parti di semua peringkat supaya merebut apa jua peluang yang ada untuk terlibat dengan berkesan dan aktif dalam semua aspek pembangunan negara ke arah menuju pencapaian matlamat Wawasan 2035.

Bagi memungkinkan perkara ini berlaku, NDP hendaklah wujud sebagai sebuah organisasi yang benar-benar berwibawa dan diterima oleh rakyat seluruhnya sebagai wadah perjuangan dan saluran aspirasi mereka. Sekiranya kita gagal berbuat demikian, maka kita dengan sendirinya tidak lagi layak mendakwa diri kita sebagai rakan pembangunan dan strategik kerajaan.

Ini bermakna kita juga harus mempunyai wawasan yang jauh jangkauannya supaya setiap rakyat tertarik dan terpaut dengan matlamat dan perjuangan yang kita dokongi ini. Ini menuntut kepada usaha yang gigih dan komitmen yang berterusan di kalangan para ahli untuk memperkasakan organisasi, menggiat dan melebarkan aktiviti gerak kerja, mengukuhkan perpaduan dan seterusnya meningkatkan bilangan ahli NDP.

## **Penutup**

**Saudara saudari sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya berpesan kepada diri saya dan saudara saudari sekalian tentang amanah dan tanggungjawab yang kita pikul, lebih-lebih lagi kita yang menjadi pemimpin. Dalam hubungan ini saya teringat akan pesanan Rasulullah SAW yang bermaksud,

*Daripada Ibnu Umar r.a., katanya, saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Setiap orang daripada kamu adalah penggembala dan setiap seorang dari kamu akan ditanya perihal penggembalaannya. Pemimpin adalah penggembala dan akan ditanya perihal penggembalaannya. Seorang lelaki adalah penggembala dalam keluarganya dan akan ditanya perihal penggembalaannya. Seorang wanita adalah penggembala dalam rumah suaminya dan akan ditanya perihal penggembalaannya. Buruh adalah penggembala dalam harta majikannya dan akan ditanya perihal penggembalaannya. Jadi setiap seorang dari engkau semua itu adalah penggembala dan tentu akan ditanya perihal penggembalaannya."* (Muttafaq 'alaih)

Niat saya memetik maksud hadis ini adalah supaya kita semua menyedari bahawasanya perjuangan yang kita bawa ini adalah satu amanah dan tanggungjawab yang berat yang di Akhirat kelak kita akan disoal oleh Allah Azawajjalla mengenai amanah yang dipikul selaku khalifahNya di muka bumi ini.

Akhir sekali saya ucapkan selamat bersidang kepada para perwakilan sekalian. Yang baik itu dari Allah dan yang lemah adalah dari diri saya sendiri. Dan saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, merasmikan Himpunan Tahunan Non-Muslim, Pemuda dan Wanita Himpunan ke-3 ini secara serentak.

Untuk mencari keberkatan Illahi sepanjang tempoh Himpunan Tahunan ini, marilah kita bersama-sama membaca ummul-kitab. Al-Fatihah.

Allahhu Akbar! Allahhu Akbar! Allahhu Akbar!